



**PENGUMUMAN TRAFIK: PROJEK PENANG LRT – LALUAN MUTIARA (PML)  
07/04/2026**

**PENUTUPAN SEPARA LORONG SECARA BERKALA JANGKA PANJANG WAKTU MALAM DI JALAN  
TUN DR. AWANG (BERHADAPAN SJK(C) MIN SIN)**

<b>Tarikh</b>	9 April 2026 - 13 Jun 2026
<b>Masa</b>	10.00 pm – 5.00 am
<b>Tempoh</b>	66 hari
<b>Tujuan</b>	Mengenal Pasti Dan Pengalihan Utiliti

Dimaklumkan bahawa penutupan lorong secara berkala jangka panjang di Jalan Tun Dr Awang (kedua-dua arah) akan dilaksanakan dari 9 April 2026 sehingga 13 Jun 2026. Penutupan ini akan dijalankan di antara jam 10.00 malam dan 5.00 pagi, selama 66 hari.

Pelan pengurusan trafik adalah seperti berikut:


Penutupan ini akan melibatkan laluan paling kanan di antara Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Min Sin dan persimpangan lampu isyarat Persiaran Bukit Jambul, menghala ke KOMTAR, dan laluan paling kanan dan tengah di antara persimpangan lampu isyarat Persiaran Bukit Jambul dan taman perumahan, menghala ke Bayan Lepas. Walau bagaimanapun, lorong lain akan kekal dibuka untuk laluan trafik (seperti yang ditunjukkan di dalam peta yang dilampirkan).

Penutupan ini diperlukan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja awalan bagi Projek Rapid Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang: Laluan Mutiara - Pakej CMC1 yang melibatkan kerja mengenal pasti dan pengalihan utiliti.

Pengguna jalan raya dinasihatkan untuk berhati-hati ketika melalui kawasan ini. Papan tanda, kon-kon trafik dan pengawal bendera akan ditempatkan di lokasi berkenaan untuk membantu melancarkan kawalan trafik dan keselamatan pengguna kenderaan di laluan tersebut.

Kami memohon maaf di atas sebarang kesulitan. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi MRT Careline 1-800-88-6782 atau emel kepada [feedback\\_pml@mymrt.com.my](mailto:feedback_pml@mymrt.com.my)

**PETA: PENUTUPAN SEPARA LORONG SECARA BERKALA JANGKA PANJANG WAKTU MALAM DI JALAN TUN DR. AWANG (BERHADAPAN SJK(C) MIN SIN)**



**LONG-TERM INTERMITTENT PARTIAL NIGHT LANE CLOSURES ON JALAN TUN DR. AWANG (IN FRONT OF SJK(C) MIN SIN)**

<b>Date</b>	9 April 2026 - 13 June 2026
<b>Time</b>	10.00 pm – 5.00 am
<b>Duration</b>	66 days
<b>Reason</b>	Identify And Relocation Utilities

Please be informed that long-term intermittent partial lane closures on the Jalan Tun Dr Awang (both directions) will be implemented from 9 April 2026 to 13 June 2026. The closures will take place between 10:00 pm and 5:00 am, over a period of 66 days.

The traffic management plan is as follows:

The closure will involve the right-most lane between Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Min Sin and the Persiaran Bukit Jambul traffic light junction, heading towards KOMTAR, as well as the right-most and middle lanes between Persiaran Bukit Jambul traffic light junction and residential area, heading towards Bayan Lepas. However, other lanes will remain open to traffic (as indicated in the map).

The closure is necessary to facilitate preliminary works for the Penang Light Rail Transit (LRT) Project: Mutiara Line – Package CMC1, which include utility identification and relocation works.

Motorists are advised to follow directional signage. During the closure period, the PML Project Emergency Response Team will be onsite to assist with traffic management. Safety barriers, traffic cones and flagmen will also be deployed to ensure the safety of all road users. For further information, please refer to the map below.

We apologise for any inconvenience caused and thank you for your cooperation.

For enquiries, please contact MRT Careline at 1-800-88-6782 or email [feedback\\_pml@mymrt.com.my](mailto:feedback_pml@mymrt.com.my)

**MAP: LONG-TERM INTERMITTENT PARTIAL NIGHT LANE CLOSURES ON JALAN TUN DR. AWANG (IN FRONT OF SJK(C) MIN SIN)**

